

KELOMPOK 70 UNIVERSITI TERBAIK ASIA

Azam tingkat kecemerlangan

» 5 universiti tempatan tekad mantap kepakaran

Oleh Rosniza Mohd Taha dan Basir Zahrom
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur



Dr Mohd Amin Jalaludin



Dr Mad Nasir Shamsudin

Lima universiti penyelidikan tempatan yang menduduki kelompok 70 universiti terbaik Asia, dalam Penarafan Universiti QS: Asia (AUR) 2015, berazam untuk terus meningkatkan kecemerlangan dalam bidang kepakaran masing-masing.

Naib Canselor Universiti Malaya (UM), Prof Datuk Dr Mohd Amin Jalaludin, menyifatkan keupayaan UM melonjak daripada tangga ke-32 kepada ke-29 dalam penarafan itu, dipacu kecemerlangan dalam enam daripada sembilan petunjuk utama yang dinilai.

Beliau berkata, skor tinggi di antara 87 hingga 100 diterima dalam aspek reputasi akademik, persepsi majikan, jumlah pelajar mengikut fakulti, jumlah penerbitan yang menjadi rujukan serta program pertu-

karan pelajar.

“Peningkatan berterusan dalam AUR menjadi petunjuk positif hasrat UM untuk tersenarai dalam kelompok 150 universiti terbaik dunia akan tercapai,” katanya.

Lonjakan paling tinggi

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Mad Nasir Shamsudin, berkata universiti berbangga kerana mencatat lonjakan paling tinggi apabila meningkat 10 anak tangga daripada kedudukan ke-76 kepada ke-66.

Katanya, peningkatan kedudukan itu berasaskan usaha UPM meningkatkan kualiti pengajaran, penyelidikan, khidmat komuniti serta menarik minat pelajar antarabangsa.

luar negara.

“USM sentiasa berusaha memastikan dapat menghasilkan pelajar dan pensyarah berkualiti tinggi untuk memainkan peranan meningkatkan kedudukan,” katanya.

Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof Datuk Dr Wahid Omar, berkata pelbagai usaha dilakukan melonjakkan institusi itu lima anak tangga daripada ke-66 kepada ke-61, tahun ini.

“Kami mendapat lebih 87 markah untuk empat daripada sembilan kriteria utama yang dinilai dan lebih membanggakan apabila UTM menjadi pendahulu dalam bidang kejuruteraan dan teknologi di negara ini,” katanya.

Faktor peningkatan

Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata jumlah penerbitan penyelidikan ilmiah yang diterbitkan universiti tempatan menjadi faktor penyumbang kepada peningkatan kedudukan universiti awam tempatan dalam penarafan itu.

Beliau berkata, elemen berkenaan yang meningkat sejak lima tahun lalu juga berjaya mengatasi penerbitan yang dihasilkan universiti dari Singapura dan Thailand.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Ir Dr Riza Atiq Abdullah OK Rahmat, pula berkata, walaupun UKM kekal pada tangga ke-56 penarafan itu, namun daripada pemarkahan, ia meningkat daripada 65.4 kepada 66.4 pada tahun ini.

Katanya, walaupun penarafan itu menjadi kayu pengukur pencapaian universiti, namun pihaknya lebih memberi perhatian kepada penghasilan graduan berkualiti.

Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Datuk Dr Omar Osman, berkata pihaknya akan berusaha meningkatkan keupayaan penyelidikan bersama-sama atau penawaran ijazah dengan institusi terkemuka di